

Masyarakat Cina berkongsi kemakmuran demi kestabilan negara

6 NOV 1999

PETALING JAYA 5 Nov. — Kekuatan asas ekonomi masyarakat Cina adalah satu daripada faktor yang membantu Malaysia ketika menghadapi serangan penyangak mata wang, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Bagaimanapun yang paling penting, kata beliau, masyarakat Cina nyata telah menunjukkan kesanggupan mereka untuk berkongsi kemakmuran Malaysia dengan orang Melayu dan kaum-kaum lain demi untuk memastikan kestabilan negara.

“Saya harap kerjasama rapat dan persefahaman kukuh antara kaum-kaum di negara ini akan berterusan,” katanya semasa merasmikan Konvensyen ke-15 Persatuan Masyarakat Hakka Sedunia, di sebuah hotel terkemuka di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, kerjasama antara ma-

sarakat Melayu dan Cina atau lebih tepat masyarakat Hakka, telah bermula kira-kira satu setengah kurun yang lalu.

Menurutnya, sejarah Kuala Lumpur tidak lengkap jika tidak mengambil kira sumbangan para pemimpin Hakka yang menjadi Kapitan Cina dalam industri perlombongan bijih timah.

Malahan, kata beliau, sebelum kedatangan Yap Ah Loy ke Kuala Lumpur dari Sungai Ujong di Negeri Sembilan pada tahun 1862, perkampungan Kuala Lumpur ketika itu sudah giat sebagai pusat perlombongan.

Dr. Mahathir berkata, ketika itu, Kuala Lumpur ditadbir oleh sahabat Yap Ah Loy, yang juga berketurunan Hakka, Liu Ngim Kong, berasal dari daerah Huichou di Wilayah Guangdong, China.

Katanya, ketika itu berlaku kekacauan dan per-

gaduhan antara kongsi-kongsi gelap, kebanyakannya merebut kawasan perlombongan serta merebak pelbagai penyakit dan kebakaran.

Bersama Mohamad Tahir, katanya lagi, yang ketika itu menjadi ketua masyarakat Melayu di Kuala Lumpur, Yap dan seorang lagi ahli perniagaan, Yap Ah Shak memajukan pembangunan bagi Kuala Lumpur yang moden.

Petunjuk

Mengenai konvensyen itu, Dr. Mahathir berkata, pemilihan Kuala Lumpur sebagai tuan rumah adalah satu lagi petunjuk bahawa Malaysia telah diperakui sebagai pusat persidangan antarabangsa yang menarik ramai pemimpin daripada pelbagai bidang.

“Bagi para tetamu luar, saya gembira menyatakan bahawa mereka menemui orang-orang di dalam de-

wan ini yang saya sifatkan sebagai golongan elit masyarakat Hakka Malaysia.

“Masyarakat ini tumbuh menjadi kuasa padu yang mempamerkan bukan saja bersemangat dan berdaya keusahawanan tetapi juga menonjol dalam pelbagai bidang termasuk politik,” katanya.

Pada majlis itu, Presiden Persatuan Hakka Malaysia, Tan Sri Jeffrey Cheah menyampaikan sumbangan derma RM100,000 kepada Dr. Mahathir untuk tabung Badan Amal Kebajikan Isteri-isteri Menteri (Bakti).

Antara yang hadir ialah Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar.

Persidangan tersebut dihadiri oleh kira-kira 2,000 delegasi dari 50 negara.

18